

29. GARISPANDUAN SETINGGAN

1. Pemaju mestilah memohon tambahan unit bagi peruntukan setinggan di peringkat Permohonan Merancang.
2. Dokumen-dokumen yang perlu dikemukakan ialah :-
 - (a) Pelan menunjukkan kedudukan rumah-rumah setinggna yang sedia ada di tapak yang dikemukakan oleh Jurukur Tanah Bertauliah dengan pengesahan Jurukur tentang keujudan rumah-rumah setinggan di atas tapak berkenaan;
 - (b) Gambar-gambar foto menunjukkan rumah-rumah berkenaan;
 - (c) Rekod tentang pembayaran cukai taksiran, bil air dan elektrik.
3. Memansuhkan Jawatankuasa Panel Setinggan.
4. Penambahan unit setinggan akan diberi bergantung kepada jumlah rumah setinggan yang berada di tapak seca fizikal.
5. Garispanduan yang sedia ada dimansuhkan.

Walau bagaimanapun, Panel Setinggan yang sedia ada perlu memproses dan meneliti permohonan-permohonan yang sedia ada sekarang dan memberi perakuan sewajarnya kepada Majlis mengikut garispanduan yang sedia ada. Garispanduan yang baru sepertimana yang diputuskan oleh Jawatankuasa pada 16.7.97 akan berkuatkuasa pada 1.9.97.

(MJTP&B Bil. 11/97 bertarikh 16.7.97)